

04 OCT 2003

Mahathir-Iraq

AMERIKA MEMANG TAHU TIADA SENJATA PEMUSNAH DI IRAQ, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 4 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa beliau tidak percaya yang selama ini pihak pentadbiran Amerika Syarikat tidak mengetahui yang Iraq tidak mempunyai senjata pemusnah.

"Saya tidak percaya bahawa mereka tak tahu. Kalaupun mereka syaki ada, dia patutnya beri peluang kepada pasukan Penyiasat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang diketuai oleh Dr Hans Blix untuk menjalankan siasatan penuh terlebih dahulu," kata Perdana Menteri.

Oleh itu keputusan Presiden As George W. Bush untuk menyerang Iraq pada Mac lepas adalah sesuatu tindakan melulu yang dilakukan tanpa bukti yang mencukupi dan kini didapati tiada senjata pemusnah di negara berkenaan.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan akhbar hari ini bahawa pasukan Agensi Perisikan Pusat (CIA) Amerika telah melaporkan bahawa ia tidak menemui sebarang bukti kewujudan senjata pemusnah di Iraq walaupun ada cukup bukti menunjukkan Saddam Hussein bercadang untuk membuat senjata kimia dan biologi.

Adalah amat menyedihkan pentadbiran Bush yang amat bertanggungjawab untuk keamanan dunia ini sanggup membuat keputusan dashyat menyerang Iraq sehingga ramai terbunuh hanya berdasarkan pada alasan-alasan yang belum dibuktikan sepenuhnya, kata beliau ketika melakukan lawatan ke Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC), di sini.

Dr Mahathir yang diiringi Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman meluangkan masa hampir tiga jam di PCC menyaksikan raptai penuh sidang kemuncak ke 10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang akan berlangsung dari 11 hingga 18 Okt ini.

Perdana Menteri juga berkata, memandangkan tiada dalil dan alasan yang kukuh, ia merupakan satu pembohongan besar oleh Amerika untuk menyerang Iraq.

Apabila ditanya sama ada sebarang tindakan undang-undang dunia boleh dikenakan menerusi PBB atau badan dunia lain terhadap Amerika kerana menyerang Iraq, Dr Mahathir berkata: Saya rasa kita tidak boleh melakukannya. Tetapi apa yang boleh berlaku ialah orang mereka sendiri menyedarinya dan menggunakannya dalam mempertimbangkan pemimpin yang mereka mahu pilih."

Beliau juga berkata konflik mengenai serangan Amerika terhadap Iraq termasuklah laporan CIA ini boleh dibincangkan dengan lebih lanjut pada sidang kemuncak OIC jika para pemimpin negara anggota bersetuju mengenainya.

"Ia boleh dibahaskan (dalam mesyuarat OIC)," katanya.

Bagaimanapun katanya, beliau sebagai ketua kerajaan sebuah negara anggota OIC tidak berminat untuk menyalahkan orang lain terhadap apa yang telahpun berlaku di Iraq.

"Saya tidak berminat dalam menyalahkan yang lain. Apa yang saya berminat ialah apa yang kita boleh lakukan (untuk pertingkatkan diri kita dalam OIC). Saya rasa menyalahkan yang lain tidak akan membawa kita ke mana-mana," kata Dr Mahathir lagi.

Sementara itu Dr Mahathir secara keseluruhannya berpuashati mengenai persiapan bagi sidang kemuncak OIC walaupun terdapat sedikit perubahan kecil yang perlu dilakukan di saat-saat akhir.

Beliau berkata, antara perubahan yang perlu ialah susun atur tempat duduk ketua-ketua negara OIC di Bilik Persidangan yang terletak di tingkat

1, PCC.

Raptai hari ini bagi majlis pembukaan katanya juga perlu diadakan sekali lagi untuk persediaan oleh pasukan pegawai perhubungan dan protokol bagi menyambut dan mengiringi ketua-ketua negara anggota.

Selain itu, Dr Mahathir menyentuh mengenai penggunaan komponen-komponen komputer dan alat multimedia tercanggih yang bakal disediakan di PCC sempena sidang OIC.

Mengenai kawalan keselamatan, Dr Mahathir berkata prosesnya telahpun bermula sejak sebulan lepas dengan pemeriksaan dilakukan dan pihak yang berkenaan sahaja dibenarkan berada di kawasan PCC.

-- BERNAMA

RIZ PR